

## Kreativiti Dan Realiti Politik Dalam *Ikarus*

### *Creativity and Political Reality in Ikarus*

Megat Fakhri Azri Mohamad Fouzli  
<sup>1</sup>Che Abdullah Che Ya

Pusat Kajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: <sup>1</sup>cheabd@ukm.edu.my

#### ABSTRAK

*Karya sastera tidak lahir dalam ruang yang kosong. Apa yang dihasilkan adalah salinan kembali peristiwa yang berlaku dalam masyarakat. Pengarang seringkali menggunakan karya sastera untuk melahirkan pandangan, ideologi, wawasan dan harapan mereka. Kajian ini melihat bagaimana karya sastera boleh dipertanggungjawabkan sebagai dokumen sosiopolitik negara. Kajian ini menganalisis novel Ikarus karya S.M. Zakir yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia pada tahun 2018. Novel yang terbit sebelum pilihanraya ke-14 ini menceritakan tentang kejatuhan Barisan Nasional dan situasi politik negara dalam pentadbiran Pakatan Harapan. Apa yang digambarkan dalam Ikarus benar-benar terjadi selepasnya. Penelitian mendapati pengarang cuba mengetengahkan beberapa fenomena yang berlaku dalam kancah politik tanah air seperti perebutan kuasa, moral pemimpin, penyelewengan wang, politik wang, kronisme, pertentangan ideologi, dan penyalahgunaan kuasa. Pengarang telah menggunakan karya sebagai rakaman situasi politik yang berlaku dan karya ini boleh dipertanggungjawabkan sebagai dokumen sosiopolitik negara untuk tatapan generasi akan datang.*

*Kata kunci: Barisan Nasional. Pakatan Harapan. Pemimpin. Pilihanraya. Politik*

#### ABSTRACT

*Literary works are not born in an empty space. What is produced is a re-copy of events that took place in society. Authors often use literary works to express their views, ideologies, insights and hopes. This study looks at how literary works can be held accountable as national sociopolitical documents. This study analyzes the novel Ikarus by S.M. Zakir published by Institut Terjemahan & Buku Malaysia in 2018. The novel, published before the 14th general election, tells the story of the fall of Barisan Nasional and the country's political situation in the Pakatan Harapan administration. What is described in Ikarus really happened afterwards. The study found that the author tries to highlight some of the phenomena that occur in the political arena of the country such as power struggles, leader morale, money embezzlement, money politics, cronyism, ideological conflict, and abuse of power. The author has used the work as a recording of the political situation that took place and this work can be held accountable as a sociopolitical document of the country for the gaze of future generations.*

*Keywords: Barisan Nasional. Pakatan Harapan. Leader. Election. Politics*

## 1. Pengenalan

Sastera dan politik secara umumnya kelihatan dua hal yang berbeza, politik seringkali dikaitkan dengan soal kenegaraan, kekuasaan, perjuangan, kepimpinan, pilihan raya, dan sebagainya. Politik dianggap berdiri dan mempunyai fakta yang lengkap, manakala sastera pula dianggap karya ciptaan pengarang yang dipenuhi dengan imaginasi, kreativiti dan wawasan hasil olahan pemikiran dan pengalaman seseorang pengarang. Namun hakikatnya kedua-dua hal ini sangat berkait rapat kerana kedua-duanya bertolak daripada perlakuan manusia. Semua isu dan peristiwa yang berlaku dalam politik akan memberi bahan kepada pengarang untuk diterjemahkan dalam bentuk karya sastera.

Negara kita Malaysia mempunyai latar politik yang tidak kurang menarik sejak zaman berzaman. Bermula daripada penjajahan, perang, merdeka, era multimedia dan teknologi, politik dengan pelbagai isu dan peristiwa saling berganti. Di tangan pengarang, hal ini diterjemahkan dalam bentuk karya sastera. *Ikarus* turut memuatkan pelbagai isu dan peristiwa politik yang berlaku. Menariknya novel yang bersifat garda depan ini turut meramalkan apa yang akan berlaku dalam Pilihan Raya Umum ke-14 dan peristiwa selepasnya. Antara isu dan peristiwa yang digarapkan oleh pengarangnya, S.M. Zakir termasuklah Pilihan Raya Umum Malaysia ke-14 (PRU-14), sistem demokrasi di Malaysia, parti-parti politik di Malaysia, gelombang penentangan terhadap Barisan Nasional dan kebangkitan Pakatan Harapan, isu perpaduan kaum, dan juga isu *lesbian, gay, biseksual* dan *transgender* (LGBT).

Pemikiran politik lazimnya terkandung di dalam karya ilmiah atau akademik. Pengarang yang serius tidak hanya bergantung pada bakat dan imaginasi dalam mengolah karya tetapi kerap menuangkan persoalan sosial dan politik dalam karya (Jeniri Amir, 2005: vii). Berdasarkan definisi inilah, objektif kajian melibatkan konflik politik dalam novel *Ikarus* telah digariskan seperti berikut:

- i. Kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti persoalan politik dalam novel.
- ii. Kajian ini bertujuan melihat bagaimana pengarang mengangkat isu dan peristiwa politik yang berlaku digarapkan dalam novel *Ikarus*.

## 2. Tinjauan Literatur

Novel-novel politik dalam mengangkat isu-isu politik tidak lari dari pandangan beberapa orang pengkaji terhadap karya sebegini. Novel yang sarat dengan konflik menjadi persoalan untuk dirungkaikan secara lebih mendalam. Berpandukan kepada genre sastera moden iaitu novel khususnya menjadikan karya yang dihasilkan oleh pengarang perlu dinilai dengan baik dari segi luaran dan dalaman. Justeru, terdapat beberapa pengkaji sebelum ini yang pernah mengkaji tentang novel yang dihasilkan berkait dengan isu politik.

Melalui fasa awal penyelidikan yang berkisarkan konflik dalam novel politik ini sebenarnya telah dilaksanakan oleh beberapa sarjana yang cenderung mengkaji isu-isu politik lewat tahun 90-an. Antaranya ialah Che Abdullah Che Ya dan Jeniri Amir. Che Abdullah Che Ya (1998) menggunakan teori bandingan melibatkan novel dari dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia. Novel yang dipilih berkisar dari tahun 1970 hingga 1989 yang memberi tumpuan

kepada unsur seperti pertentangan ideologi, permusuhan dan perebutan kuasa. Jeniri Amir (1998) melakukan penyelidikan melibatkan novel Melayu mutakhir era sebelum perang sehingga dekad 90-an. Dapatan kajian menunjukkan politik dalam novel mengetengahkan unsur pemimpin, kuasa dan media serta konflik dan penyelewengan.

Che Abdullah Che Ya, Mawar Safei & Misran Rokimin (2010), mengkaji manusia dan kuasa: meneliti politik perpatian dalam beberapa novel Melayu 1970-an hingga 1980-an. Isu yang digarap dalam novel di tahun berkenaan ialah politik perpatian dalam novel Melayu cetusan penulis yang cenderung menceburi dunia politik sebenar. Sohaimi Abdul Aziz (2017) membuat kajian dalam novel *Daun* Malim Ghazali PK yang berjudul *Dalam Daun Ada Daun: Yang Tersirat dalam Daun*. Melalui konteks penelitian, konsep 'dalam daun ada daun' dilihat daripada dua perspektif iaitu pembinaan cerita dan makna sufistiknya. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah pembacaan intertekstual Gestalt. Sohaimi menekankan pembacaan novel ini terkait dengan aspek psikologi. Kaedah ini penting sebagai satu pengalaman estetik kepada pembaca untuk memahami jalan cerita novel. Dapatan kajian juga mengetengahkan persoalan yang digarap seperti kepimpinan politik, perjuangan, pemahaman tentang Islam dan kehidupan mengenai penjajahan. Melalui novel *Daun* ini, isu politik dari segi penindasan ada dipaparkan namun tidaklah terlalu dominan. Noor Fatin Alia 'Md Khalid' dan Halis Azhan Mohd. Hanafiah (2019) melalui Institusi Sosial Melayu dalam novel *Luka Nering* menyoroti kajian berpandukan tiga insitusi iaitu masyarakat setempat, keluarga dan negara. Menurut Fatin dan Halis, persekitaran sosial dalam *Luka Nering* berada dalam lingkungan pengalaman yang dilalui oleh Malim Ghazali PK sebagai seorang penulis. Perbincangan mendapati dua institusi sosial telah ditekankan dengan melihat aspek kekeluargaan dan kemasyarakatan sebagai yang lebih dominan.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian ilmiah berorientasikan pemikiran politik dalam novel *Ikarus* ini adalah bersifat kualitatif dan deskriptif. Secara umumnya, kaedah ini bertujuan bagi mencari data secara menyeluruh untuk memastikan teks kajian tidak lari dari pemahaman fakta yang sebenar. Kajian ini mengenai konflik politik dalam novel *Ikarus* dilaksanakan berpandukan informasi yang diperoleh dari pengarang sendiri dan penyelidikan berasaskan teks. Kaedah metodologi penyelidikan yang digunakan untuk mencari data dan bahan kajian, iaitu kajian kepustakaan.

### **4. Isu Dan Peristiwa Politik Dalam *Ikarus***

Novel *Ikarus* sarat dengan pelbagai persoalan politik. Pengarang cuba mengetengahkan beberapa fenomena yang berlaku dalam kancah politik tanah air seperti pilihanraya, sistem demokrasi Malaysia, kepelbagaian parti politik di Malaysia, gelombang penentangan terhadap Barisan Nasional dan kebangkitan Pakatan Harapan, isu perpaduan dan hak istimewa bumiputera, fahaman liberalism dan LGBT.

#### **4.1 Pilihan Raya**

*Ikarus* bertolak daripada Pilihan Raya Umum Malaysia yang ke-14. Pilihan raya ialah proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada pada peringkat negeri atau persekutuan. Pemilihan ini dilakukan secara sulit dengan menggunakan prosedur yang telus dan teratur. Pengiraan undi dibuat secara terbuka dan keputusannya direkodkan. Calon yang mendapat undi terbanyak dikira menang. Sistem ini dikenali dengan sistem majoriti mudah. Pilihan raya merupakan ciri penting sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Pilihan raya di Malaysia

dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Keanggotaannya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja Melayu. Suruhanjaya Pilihan Raya ditubuhkan untuk menjamin pilihan raya yang adil dan bebas tanpa tekanan parti pemerintah atau pembangkang. Tiga fungsi utama Suruhanjaya Pilihan Raya adalah menentukan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya, menjalankan pendaftaran pemilih dan mengendalikan pilihan raya sama ada pilihan raya umum atau pilihan raya kecil. Pilihan raya umum diadakan untuk memilih ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri secara serentak di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pilihan Raya Umum Malaysia ke-14 telah berlangsung pada 9 Mei 2018. Dalam novelnya ini S.M. Zakir telah meramalkan beberapa kejutan besar yang akan berlaku iaitu kebangkitan gelombang penentangan terhadap Barisan Nasional (BN) khususnya dalam kalangan anak muda. Apa yang diramalkan oleh S.M. Zakir benar-benar berlaku apabila keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 memperlihatkan kejatuhan Barisan Nasional yang memerintah negara Malaysia sejak merdeka dan kemenangan berpihak kepada pihak pembangkang yang membentuk Pakatan Harapan (PH). Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

Pada malam Iskandar mengurung dirinya di rumah, membuka televisyen dan mendengar keputusan pengundian. Kesenyapan itu memberikan jawapannya. Satu persatu calon parti pemerintah tewas, satu persatu negeri dikuasai parti pemerintah jatuh. Parti pemerintah kehilangan majoriti kerusi di Parlimen.

Parti pemerintah yang memerintah sejak merdeka kini telah kalah!  
(S.M. Zakir, 2018: 322)

Ramalan S.M. Zakir pada petikan tersebut benar-benar berlaku yang mana selepas saja proses bilangan undi dijalankan pada malam pilihan raya berlangsung menunjukkan keputusan kekalahan satu persatu calon daripada kerajaan Barisan Nasional dan hilangnya majoriti kerusi di Parlimen. Kekalahan Barisan Nasional kepada parti gabungan Pakatan Harapan telah menjadi sejarah baharu Malaysia setelah lebih 60 tahun di bawah pimpinan Barisan Nasional akhirnya bertukar buat kali pertama.

#### **4.2 Sistem Demokrasi Malaysia**

Pilihan raya yang dijalankan memperlihatkan wujudnya sistem demokrasi di Malaysia. Istilah demokrasi berasal dari bahasa Yunani “demos” dan “kratos”, demos bererti rakyat dan kratos adalah kekuatan, kekuasaan, pemerintahan (Inu Kencana Syafiie, 2010). Demokrasi adalah pemerintahan rakyat. Demokrasi adalah suatu bentuk atau sistem pemerintahan yang seluruh rakyat turut serta pemerintahan dengan perantaraan wakil. Gagasan atau pandangan hidup yang mengutamakan persamaan hak dan kewajiban serta perlakuan yang sama bagi semua warganegara. Maka dapat disimpulkan bahawa demokrasi adalah satu fahaman yang menegaskan bahawa pemerintahan suatu negara dipegang oleh rakyat kerana pemerintahan tersebut pada hakikatnya berasal dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Politik di Malaysia masih bergantung kepada kekuatan fundamental. Parti yang menguasai majoriti luar bandar akan menguasai politik. Walaupun kelihatannya penguasaan dari imej, publisiti, sensasi dan populariti media seperti memperlihatkan penguasaan golongan bandar tetapi pada hakikatnya kuasa politik negara akan ditentukan oleh undi luar bandar. Masa untuk

revolusi kelas menengah masih jauh untuk menjengah di sini. Tetapi siapa tahu sekam yang berbara di bawah tumpuk. Tetapi untuk masa terdekat ini kekuatan dan kekuasaan politik akan lebih ditentukan oleh undi luar bandar. Kuasa politik di Malaysia adalah kuasa Fundamental.

(S.M. Zakir, 2018: 83)

Demokrasi bagi rakyat yang rasional meletakkan kepentingan negara dan rakyat sebagai pertimbangan utama mengatasi kesetiaan dan sentimen kepartian. Dalam persada politik negara sekurang-kurangnya dua parti atau gagasan masing-masing kuat, utuh dan berdaya maju untuk memberi pilihan kepada rakyat. Kuasa memilih di tangan rakyat, mereka berhak membuat pilihan berasaskan faktor-faktor dalaman atau luaran dari segenap aspek seperti persekitaran, tuntutan dan situasi semasa. Proses penerimaan sesuatu idealisme politik itu sering dikaitkan dengan kehendak sosio-budaya, agama, kepercayaan dan tahap pendidikan masyarakat. Asasnya, keadilan dalam konteks hubungan sesama manusia bergantung kepada prinsip memberikan hak yang sewajarnya kepada setiap individu. Keadilan perlu diberikan kepada semua pihak tanpa mengira agama, bangsa, warna kulit, bahasa dan sebagainya.

Keadilan merujuk kepada keharmonian di mana setiap sesuatu itu terletak di tempatnya yang betul dan sesuai. Keadilan itu ialah terletaknya sesuatu pada tempatnya yang sesuai dan ia berfungsi mengikut aturan yang sepatutnya. Unikunya keadilan dalam Islam meliputi semua golongan tanpa membeza-bezakan mereka dan ia menggambarkan bagaimana Islam mengaplikasikan konsep adil. Proses kemasyarakatan tidak akan berlangsung melainkan melalui pergaulan dan saling kebergantungan seseorang dengan seorang yang lain. Natiujahnya, ia akan membawa kepada lapangan-lapangan atau platform yang penting di mana proses sosialisasi itu berlangsung. Daripada sudut bahasa dapatlah dirumuskan bahawa keadilan sosial ialah kesamarataan perihal kemasyarakatan yang melibatkan semua individu dari segi hak dan tanggungjawab dalam ruang lingkup yang betul dan sesuai dalam semua lapangan kemasyarakatan:

Dia kembalikan ke tanah air dengan fikiran-fikiran yang menekankan kesaksamaan hak dalam masyarakat, kuasa eksekutif para ahli politik yang di bataskan oleh kuasa perundangan, keadilan sosial dan kebebasan bersuara, serta kuasa rakyat yang lebih besar. Dan itu semua seperti tertembok di negeri ini. Kuasa politik menjadi kuasa yang begitu agung. Demokrasi tidak lebih daripada silap mata untuk meletakkan kuasa oligarki senyap yang tidak boleh disentuh. Rakyat sama ada digula-gulakan dengan pembangunan atau ditakutkan dengan sentiment perkauman untuk terus mengekalkan kuasa oligarki yang tidak disentuh. Akhirnya, rasuah menjadi wabak yang sangat menakutkan. Politik adalah jalan mudah dan jalan liar untuk mencapai kekayaan yang tidak terbatas.

(S.M. Zakir, 2018: 101-102)

Negara bergantung kepada keyakinan rakyat terhadap sistem negara termaksudlah sistem demokrasi berparlimen, sistem pemisahan kuasa dan seluruh institusi penguatkuasaan negara. Rakyat perlu yakin kepada seluruh institusi negara terutama institusi penguatkuasaan dan Jabatan Kehakiman yang bertanggungjawab memastikan peraturan negara dipatuhi oleh semua termasuk pemimpin terbesar negara tanpa pengecualian sedang berjalan dengan adil dan berfungsi dengan baik. Kegagalan mana-mana sistem ini untuk bertindak secara berdikari

akan mendedahkan negara kepada situasi yang bahaya bagi negara kerana ia akan menggugat keyakinan rakyat kepada sistem politik negara:

Gabungan muluk parti demokratik, parti keadilan dan parti Islam terlihat sebagai gelombang pembangkang yang akan menjatuhkan rejim lama dan melahirkan sebuah politik baru, bebas perkauman, bebas rasuah dan bebas segala macam. Tetapi situasi ini tidak semudah yang dijangka. Politik baru hanya khayalan, sebaliknya politik di tangan pembangkang semakin kuat perkauman, tidak mampu mewujudkan pemerintahan sifar

rasuah; dan kejayaan politik pembangkang hari ini hanyalah 'bebas segala macam'.

(S.M. Zakir, 2018: 55)

Situasi tersebut memperlihatkan bahawa parti-parti politik termasuk parti pembangkang, NGO, pertubuhan-pertubuhan sivil, pemerhatian dan pengulas politik, dan rakyat menjadi lebih lantang dan lebih berani untuk menyuarakan pemikiran, pandangan, dan kritikan mereka khususnya berkaitan politik negara. Dalam keadaan sedemikian, ianya menuntut perubahan, pembaharuan dan penyesuaian dengan realiti dan naratif semasa ke atas semua pihak yang berkenaan dan berkepentingan (*stakeholders*). Bermula dengan parti yang memerintah kepada parti pembangkang dan seterusnya kepada pihak-pihak lain termasuk juga institusi raja-raja, pihak legislatif, eksekutif (kakitangan kerajaan) dan badan kehakiman.

#### 4.3 *Kepelbagaian Parti Politik Di Malaysia*

*Ikarus* memperlihatkan kewujudan pelbagai parti politik di Malaysia. Antara parti politik yang diceritakan adalah Barisan Nasional. Barisan Nasional merupakan gabungan beberapa buah parti politik seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Kongres India Malaysia (MIC) dan Persatuan Cina Malaysia (MCA) yang dibentuk sebelum merdeka. Gabungan ini telah memerintah negara Malaysia sejak pilihan raya pertama yang diadakan pada tahun 1956. Selain daripada Barisan Nasional, novel ini turut menceritakan tentang Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Parti Islam Se-Malaysia ditubuhkan pada tahun 1951. Turut diceritakan dalam *Ikarus* ialah kewujudan Pakatan Harapan yang dibentuk sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 ini. Pakatan Harapan merupakan gabungan beberapa buah parti politik pembangkang iaitu Bersatu yang ditubuhkan oleh Tun Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bersama dengan bekas pemimpin-pemimpin UMNO yang tidak sehaluan dengan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Datuk Seri Najib Abdul Razak, Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang diketuai oleh anak dan isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu Nurul Izzah dan Datin Seri Dr. Wan Azizah kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika itu masih dalam penjara, Parti Tindakan Demokratik (DAP) yang diketuai oleh Chen Man Hin dan Amanah yang diketuai oleh Mohamad Sabu.

*Ikarus* memaparkan ketiga-tiga gabungan dan parti politik ini telah bertanding empat penjurong yang akhirnya memperlihatkan kemenangan parti-parti yang bergabung atas ikatan Pakatan Harapan dapat dilihat pada petikan berikut:

Pada malam Iskandar mengurung dirinya di rumah, membuka televisyen dan mendengar keputusan pengundian. Kesenyapan itu memberikan jawapannya. Satu persatu calon parti pemerintah tewas, satu persatu negeri dikuasai parti

pemerintah jatuh. Parti pemerintah kehilangan majoriti kerusi di Parlimen.

Parti pemerintah yang memerintah sejak merdeka kini telah kalah!

(S.M. Zakir, 2018: 322)

Petikan tersebut pengarang telah membuat ramalan bahawa parti gabungan Pakatan Harapan akan berjaya merampas tampuk pemerintahan daripada Barisan Nasional yang telah memerintah lebih 60 tahun. Pada Pilihan Raya Umum ke-14 telah memberi jawapan yang jelas kepada ramalan S.M. Zakir yang mana ramalan kepada kejatuhan Barisan Nasional kepada parti gabungan Pakatan Harapan benar-benar berlaku.

Kepelbagaian parti politik di Malaysia ini turut menyebabkan berlakunya pertentangan ideologi dalam kalangan masyarakat khususnya dalam kalangan parti-parti politik. Ideologi merupakan sistem kepercayaan yang menjadi asas kepada tingkah laku seseorang. Pada lazimnya ia merujuk kepada set kepercayaan yang menggerakkan suatu pergerakan politik dan sosial. Kata ideologi berasal daripada bahasa Yunani “idea” dan “logos”. Idea mengandungi erti mengetahui fikiran melihat dengan budi. Adapun kata logos mengandungi erti gagasan, pengertian, kata, dan ilmu. Jadi ideologi bererti kumpulan idea atau gagasan, pemahaman-pemahaman, pendapat-pendapat atau pengalaman-pengalaman. Selain itu, terdapat juga pandangan lain berkenaan ideologi yang membawa maksud perbezaan antara fahaman atau landasan idea yang dianuti oleh individu atau sekumpulan anggota masyarakat. Dalam politik, ideologi biasanya dipraktikkan dalam bentuk pertubuhan atau parti. Pegangan ideologi ini tidak semestinya sama antara individu dalam sesebuah masyarakat. Berpunca perbezaan ini, wujudlah pertentangan ideologi antara individu berkenaan. Pertentangan ini mencetuskan permusuhan, penindasan, dan kekejaman. Pertentangan juga wujud ekoran daripada perasaan tidak puas hati rakyat terhadap kerajaan, perebutan dan mempertahankan kuasa, perbezaan fahaman agama dan lain-lain yang membawa kepada tindakan yang menjuruskan kepada kekejaman.

Melalui novel *Ikarus*, S.M. Zakir mengolah persoalan serta tema yang sejajar dengan apa yang berlaku dalam politik semasa Tanah Melayu. Pengarang membawa persoalan mengenai pertentangan ideologi antara Barisan Nasional, Pakatan Harapan dan Parti Islam Se-Malaysia. Pengarang menyelitkan beberapa unsur yang melambangkan perjuangan parti tersebut. Pertentangan ideologi ini memperlihatkan bahawa bagaimana cara parti-parti politik di Tanah Melayu menjalankan amanat yang diberikan oleh rakyat. Pertentangan ideologi antara parti politik di Malaysia yang terdapat dalam novel *Ikarus* adalah melalui penggunaan idea cara pemerintahan. Perjuangan parti politik di Malaysia dipaparkan oleh pengarang melalui peristiwa perhimpunan baju kuning. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Lautan manusia berbaju kuning yang berkumpul menunjukkan perasaan sebagai mendesak satu pilihan raya yang adil dan bersih, bebas daripada segala penyelewengan untuk memerangi kuasa dari rakyat. Mereka tidak percaya pilihan raya di Malaysia ini adalah bersih dan adil, tetapi menuduh ia penuh penyelewengan dan penipuan untuk memenangkan calon parti pemerintah sekarang.

(S.M. Zakir, 2018: 3-4)

Peristiwa perhimpunan baju kuning tersebut sebenarnya pengarang ingin menjelaskan tentang perhimpunan bebas. Perhimpunan bebas adalah anjuran daripada pihak pembangkang Pakatan Harapan yang tidak berpuas hati dengan pemerintahan yang dibawa oleh pihak kerajaan Barisan Nasional yang bertentangan dengan ideologi mereka kerana pihak kerajaan Barisan Nasional dikatakan banyak menyelewengkan kuasa. Bagi menegakkan ideologi mereka yang dikatakan benar maka pihak pembangkang ini telah menghimpunkan kumpulan masyarakat yang telah terpengaruh dan bertembung dengan kumpulan di sebelah pihak kerajaan bagi menegakkan ideologi masing-masing.

Pertentangan ideologi dalam kalangan parti-parti politik yang terdapat dalam *Ikarus* Pengarang telah menjelaskan berkenaan ideologi-ideologi parti politik di Malaysia. Namun pengarang lebih menekankan kepada ideologi liberal yang dibawa oleh pembangkang Pakatan Harapan. Gabungan Pakatan Harapan yang dikuasai oleh Parti Tindakan Demokratik yang terkenal dengan pembawaan ideologi liberal telah mempengaruhi gabungan tersebut. Liberal ditakrifkan bersifat condong kepada kebebasan dan pemerintahan yang demokratik dan “berfahaman bebas” atau “berpandangan terbuka” tidak terkongkong kepada sesuatu aliran pemikiran dan sebagainya.

Pakatan Harapan cuba menghapuskan hak keistimewaan bumiputera, memainkan isu agama dengan memberi kebebasan untuk murtad. Ideologi liberal Pakatan Harapan sama sekali bertentangan dengan ideologi yang dibawa oleh kerajaan Barisan Nasional dan pembangkang daripada Parti Islam Se-Malaysia. Barisan Nasional mengangkat hak keistimewaan bumiputera dengan mewujudkan Universiti Teknologi Mara (UITM) bagi memudahkan bumiputera menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Ini merupakan salah satu hak keistimewaan bumiputera perolehi dan banyak lagi. Berbeza pula dengan ideologi yang dibawa oleh Parti Islam Se-Malaysia yang mengangkat agama Islam dalam perjuangan mereka. Berdasarkan petikan berikut dapat dilihat ideologi yang dibawa oleh pembangkang Pakatan Harapan yang menentang ideologi yang dibawa oleh Barisan Nasional dan Parti Islam Se-Malaysia:

“Golongan liberal membawa ideologi mereka yang menuntut bukan hanya persamaan tetapi penghapusan hak bumiputera, malah agama Islam juga diserang. Al-Quran boleh sahaja ditafsir sesuka hati oleh sesiapa sahaja”. Iskandar mengumpam. Muzafar mendengar dengan penuh minat.

“Masalahnya disini perjuangan liberal di Barat berbeza dengan perjuangan liberal di Malaysia ini. Sangat berbeza. Di Barat liberal adalah perjuangan yang mengangkat hal golongan minoriti, sekaligus menguntungkan umat Islam dan golongan kecil lain. Tetapi di Malaysia, minoriti yang diperjuangkan adalah golongan elit urban yang memperjuangkan kepentingan putera dan Islam yang telah menjadi hak kedaulatan wilayah Tanah Melayu ini” Iskandar melihat Muzafar memikirkan sesuatu.

(S.M. Zakir, 2018: 80-81)

Petikan tersebut pengarang telah menyatakan bahawa Pakatan Harapan yang diketui oleh Parti Keadilan Rakyat dan Parti Tindakan Demokratik membawa ideologi liberal dan sosialis yang tidak beragendakan Melayu dan Islam dan kesamarataan yang bertentangan dengan ideologi Barisan Nasional dan Parti Islam Se-Malaysia yang memiliki ideologi yang sama iaitu perjuangan berasaskan orang Melayu dan Islam.



#### 4.4 *Gelombang Penentangan Terhadap Barisan Nasional dan Kebangkitan Pakatan Harapan*

*Ikarus* memperlihatkan kewujudan gelombang penentangan terhadap kerajaan Barisan Nasional. Gelombang ini bergerak secara senyap khususnya dalam kalangan golongan muda. Gelombang penentangan terhadap Barisan Nasional yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin pembangkang telah berjaya mengumpulkan pengikut-pengikutnya untuk menjalankan beberapa program yang memperlihatkan penentangan terhadap kerajaan. Kumpulan ini telah menganjurkan himpunan bersih yang menuntut pilihan raya yang adil dan bersih dan bebas daripada penyelewengan. Dalam himpunan ini sekumpulan warga berarak di ibu kota dengan memakai pakaian warna kuning sebagai tanda protes kepada kerajaan. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

Lautan manusia berbaju kuning yang berkumpul menunjukkan perasaan sebagai mendesak satu pilihan raya yang adil dan bersih, bebas daripada segala penyelewengan untuk memerangi kuasa dari rakyat. Mereka tidak percaya pilihan raya di Malaysia ini adalah bersih dan adil, tetapi menuduh ia penuh penyelewengan dan penipuan untuk memenangkan calon parti pemerintah sekarang.

(S.M. Zakir, 2018: 3-4)

Gelombang penentangan ini telah berjaya diserap ke dalam jiwa anak muda yang memperlihatkan sokongan anak muda terhadap penentangan kepada kerajaan yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Barisan Nasional yang memerintah Malaysia selama 62 tahun dan tampuk pemerintahan negara bertukar tangan kepada Pakatan Harapan.

Pakatan Harapan adalah satu pakatan yang diwujudkan oleh pihak pembangkang bagi menentang kerajaan menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. Pakatan ini terdiri daripada beberapa buah parti politik yang diketua oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad bersama pengikut-pengikut beliau yang merupakan bekas ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang tidak sehaluan dengan Dato seri Najib razak telah bertindak keluar daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu dan menyertai sebuah parti baru, Bersatu. Bersatu telah bergabung dengan Parti Tindakan Demokratik dan Amanah yang merupakan kumpulan serpihan daripada Parti Islam Se-Malaysia. Gabungan ini turut disertai oleh Parti Warisan di Sabah dan Parti Kebangsaan Sarawak di Sarawak. Selain daripada gabungan parti-parti di dalam Pakatan Harapan, Parti Islam Se-Malaysia bergerak sendirian dalam menentang kerajaan Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum ke-14. Hal ini dijelaskan pada petikan berikut:

Gabungan muluk parti demokratik, parti keadilan dan parti Islam terlihat sebagai gelombang pembangkang yang akan menjatuhkan rejim lama dan melahirkan sebuah politik baru, bebas perkauman, bebas rasuah dan bebas segala macam. Tetapi situasi ini tidak semudah yang dijangka.

(S.M. Zakir, 2018: 55)

Petikan tersebut jelas digambarkan oleh pengarang berkenaan gabungan parti-parti politik pembangkang di Malaysia menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. Gabungan ini telah berjaya menumbangkan kekuatan parti kerajaan yang telah memerintah sejak awal kemerdekaan negara Malaysia. Gabungan parti politik pembangkang iaitu Pakatan Harapan telah melahirkan politik baru membawa perjuangan yang gagal dilaksanakan oleh kerajaan lama iaitu bebas perkauman, bebas rasuah dan sebagainya bagi memperoleh sokongan masyarakat.

#### 4.5 *Isu Perpaduan dan Hak Istimewa Bumiputera*

Kemenangan calon-calon Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 telah menyebabkan tampuk pemerintahan negara bertukar. Beberapa tindakan yang diambil oleh pemimpin Pakatan Harapan telah membangkitkan isu perpaduan antara masyarakat Malaysia. Perpaduan ialah penyatuan dan darjah serta jenis penyatuan yang dipamerkan sesebuah masyarakat ataupun kumpulan dan jiran mereka. Ia merujuk kepada perhubungan sosial yang mengaitkan manusia. *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat* (2010) mentakrifkan sebagai penggabungan, peleburan, persesuaian dan perihal berpadu iaitu bergabung menjadi satu, sepakat dan sebagainya. Perpaduan merupakan proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air. Pelbagai isu yang timbul selepas Pilihan Raya Umum ke-14 menunjukkan berlaku polarisasi kaum di Malaysia di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan. Antara isu perpaduan yang ditengahkan oleh Pakatan Harapan kedudukan Raja-Raja Melayu, kedudukan agama Islam, Bahasa Melayu dan hak istimewa orang Melayu bumiputera.

Dalam *Ikarus*, pengarang menggunakan pemikiran yang kreatif dalam menengahkan isu perpaduan kaum yang dimainkan oleh pihak pembangkang Pakatan Harapan. Isu perpaduan dimainkan untuk menentang ideologi yang dibawa oleh Barisan Nasional dan Parti Islam Se-Malaysia. Antara isu perpaduan yang dimainkan iaitu sentimen kaum dan agama. Situasi ini telah menyebabkan wujudnya suasana panas dalam kalangan masyarakat:

Di luar keadaan panas mula bertukar dengan ganas. Ada rusuhan-rusuhan kecil yang mula berlaku di sana sini. Sentimen kaum dan agama dimainkan segilagilanya. Demonstrasi juga berlaku dan hampir marak menjadi besar di ibukota. Media sosial, media perdana, media alternatif rancak dan bertubi-tubi mengeluarkan berita saban detik, segala yang benar dan yang palsu sudah tidak dapat dibezakan lagi. Keadaan semakin panas dan tidak terkawal. Sehingga timbul ura-ura akan berlakunya perintah darurat. Tetapi pihak tertentu telah bersedia untuk berdepan dengan segala helah darurat. Pelbagai agensi antarabangsa diturunkan sebagai pemerhati malah adakala turut terlibat dalam kempen. Malah turut mengambil kesempatan menyelit agenda dan ideologi mereka. Maklumat yang bergerak pantas, dengan badan-badan bebas termasuk badan undang-undang yang aktif menyekat daripada munculnya tindak tanduk ke arah berlakunya perintah darurat.

(S.M. Zakir, 2018: 314)

Beberapa rusuhan yang dilakukan oleh pihak pembangkang Pakatan Harapan telah menimbulkan isu perpaduan di Malaysia. Antara isu perpaduan yang dimainkan adalah untuk meminta hak kesamarataan semua kaum. Sebelum pilihan raya berlangsung pihak

pembangkok menjanjikan akan menghapuskan masalah perpaduan di Malaysia. Ramalan S.M. Zakir pula menunjukkan bahawa isu perpaduan di bawah pimpinan Pakatan Harapan lebih teruk. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

Gabungan muluk parti demokratik, parti keadilan dan parti Islam terlihat sebagai gelombang pembangkang yang akan menjatuhkan rejim lama dan melahirkan sebuah politik baru, bebas perkauman, bebas rasuah dan bebas segala macam. Tetapi situasi ini tidak semudah yang dijangka. Politik baru hanya khayalan, sebaliknya politik di tangan pembangkang semakin kuat perkauman, tidak mampu mewujudkan pemerintahan sifar rasuah; dan kejayaan politik pembangkang hari ini hanyalah 'bebas segala macam'.

(S.M. Zakir, 2018: 55)

Ketika Pakatan Harapan membentuk kerajaan, portfolio bagi menjaga soal perpaduan diletakkan di bawah tanggungjawab Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial. Berhubung isu perpaduan, perpaduan negara menjadi teruk di bawah pimpinan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P. Waytha Moorthy. Isu perkauman dan sensitiviti agama semakin memuncak berlaku sehingga tidak mampu dikawal dan merisaukan.

Dalam *Ikarus*, S.M. Zakir telah menjelaskan isu perpaduan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin parti kerajaan baharu. Melalui watak Suzanna yang merupakan calon parti pembangkang dalam pilihan raya yang akan datang telah membangkitkan isu hak kesamaratan yang perlu diwujudkan. Suzanna telah mempertikai apa yang telah dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional yang mengutamakan hak bumiputera dan Islam dalam pemerintahan. Hal ini dapat digambarkan melalui petikan berikut:

Suzanna sungguh-sungguh kali ini bercakap tentang perubahan. Perubahan yang bergerak ke arah demokrasi liberal. Jawatan tinggi kerajaan tidak harus hanya berada di tangan orang Melayu sahaja, ia harus diberikan peluang yang sama rata kepada kaum lain. Begitu biasiswa dan kouta untuk orang Melayu harus dihapuskan. Negara ini harus berdiri atas merit bukan perkauman. Islam tidak harus menjadi agama yang mencampuri urusan kehidupan peribadi masyarakat. Maka itu mahkamah syariah dan undang-undang syariah harus diletakkan di bawah undang-undang sivil, jika tidak dihapuskan terus. Istilah bumiputera perlu dihapuskan, dan negara ini memberikan hak yang sama kepada semua kaum tanpa adanya lagi keistimewaan kepada kaum yang kononnya bumiputera.

(S.M. Zakir, 2018: 291-292)

Selain itu, isu perpaduan dan hak istimewa bumiputera turut disentuh oleh pengarang. Pengarang memperlihatkan bagaimana beberapa kumpulan dalam Pakatan Harapan yang memperjuangkan untuk mendapatkan hak kesamarataan semua kaum. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

Status quo perlahan-lahan mula ingin dicabut, ungkapan-ungkapan dari pimpinan baharu untuk mendirikan masyarakat yang saksama dan adil tanpa adanya perkauman yang lebih istimewa dari kaum dari kaum lain memulakan agenda penghapusan hak kedaulatan peribumi. Bahasa rasmi telah menggunakan semua empat bahasa etnik dan bahasa sejagat, mula

meminggirkan cita-cita kebangsaan untuk menggunakan satu bahasa kebangsaan yang tunggal. Usaha untuk membincangkan wujudnya hanya satu perundangan teras, mula mendayakan pengecilan kuasa mahkamah syariah sekaligus melancarkan agenda penolakan untuk wujudnya Islam sebagai agama rasmi – ia juga cita-cita untuk menutup negara ini menjadi negara agama dan kekal sebagai sekular – liberal untuk selamanya.

(S.M. Zakir, 2018: 350)

Fahaman yang dibawa oleh pihak pembangkang sememangnya telah memainkan isu perpaduan yang ada di Malaysia. Isu hak keistimewaan bumiputera telah menjadi perkara paling berkontroversi dalam perlembagaan Malaysia. Pembangkang ideologi liberal menganggap telah mewujudkan perbezaan yang tidak perlu perkauman antara rakyat Malaysia berlainan etnik kerana telah menyebabkan pelaksanaan tindakan afirmatif dasar yang hanya menguntungkan bumiputera yang terdiri daripada majoriti penduduk.

Jika ditelusuri sejarah, ketika proses penggubalan perlembagaan dilakukan, beberapa cadangan diberi pertimbangan untuk disepakati atau apa yang diistilahkan sebagai kontrak sosial. Dalam proses ini, semangat akomodatif yang tinggi berlaku dia antara Melayu dan bukan Melayu berkaitan kepentingan masing-masing atau kontrak sosial. Contohnya, Melayu melonggarkan syarat kerakyatan bagi bukan Melayu, manakala bukan Melayu menerima hakikat kedudukan istimewa Melayu.

Masyarakat Melayu menerima prinsip “jus soli” iaitu dengan mengurniakan kerakyatan bagi mereka yang lahir selepas merdeka dan kerakyatan lebih longgar bagi bukan Melayu sebelum merdeka dan memberi hak kerakyatan yang ramai kepada orang Cina. Bagi sebuah negara demokrasi, kewarganegaraan amat berharga kerana seorang warganegara tidak memerlukan permit untuk bekerja, kemudahan mendapat tanah kerajaan, bekerja dalam perkhidmatan awam dan anak-anak mereka layak mendapat tempat dan biasiswa di sekolah dan universiti. Hasil persetujuan bersama semua etnik, masyarakat Melayu diperuntukkan hak istimewa dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Secara khususnya, menyentuh tiga perkara iaitu perkhidmatan awam, ekonomi dan pendidikan.

#### **4.6 Fahaman Liberalisme**

Liberalisme ialah falsafah yang meletakkan kebebasan individu sebagai nilai politik tertinggi (Sakinah Salleh et al, 2016). Seseorang yang menerima fahaman liberalisme dipanggil seorang liberal. Liberalisme menekankan hak-hak peribadi serta kesamarataan peluang. Dalam fahaman liberalisme, pelbagai aliran mempunyai dasar dan pandangan yang berlainan. Secara umumnya aliran-aliran ini bersetuju dengan prinsip-prinsip berikut termasuk kebebasan berfikir dan kebebasan bersuara, batasan kepada kuasa kerajaan, kedaulatan undang-undang, hak individu ke atas harta persendirian, pasaran bebas dan ketelusan sistem pemerintahan. Golongan ini menyokong sistem kerajaan demokrasi liberal dengan pengundian yang adil dan terbuka, di mana semua rakyat mempunyai hak-hak yang sama rata di bawah undang-undang. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

“Golongan liberal membawa ideologi mereka yang menuntut bukan hanya persamaan tetapi penghapusan hak bumiputera, malah agama Islam juga diserang. Al-Quran boleh sahaja ditafsir sesuka hati oleh sesiapa sahaja”. Iskandar mengumpam. Muzafar mendengar dengan penuh minat.

“Masalahnya disini perjuangan liberal di Barat berbeza dengan perjuangan liberal di Malaysia ini. Sangat berbeza. Di Barat liberal adalah perjuangan yang mengangkat hal golongan minoriti, sekaligus menguntungkan umat Islam dan golongan kecil lain. Tetapi di Malaysia, minoriti yang diperjuangkan adalah golongan elit urban yang memperjuangkan kepentingan putera dan Islam yang telah menjadi hak kedaulatan wilayah Tanah Melayu ini” Iskandar melihat Muzafar memikirkan sesuatu.”

(S.M. Zakir, 2018: 80-81)

Fahaman liberalisme moden berakar umbi dari zaman kesedaran barat dan kini mengandungi pemikiran politik yang luas dan kaya dari segi sumber. Liberalisme menolak kebanyakan tanggapan asas dalam hampir semua teori pembentukan kerajaan awal seperti hak-hak raja yang diberikan oleh tuhan, status yang berasaskan keturunan dan institusi-institusi agama. Liberal berangapan sistem ekonomi pasaran bebas lebih cekap dan menjana lebih banyak kemakmuran.

Melalui watak Suzanna merupakan salah seorang pejuang yang menentang kerajaan, pengarang ingin menggambarkan bahawa fahaman liberal yang wujud dalam politik Malaysia hadir daripada golongan-golongan pembangkang. Golongan-golongan liberal ini merupakan anti kepada Islam dan Melayu. Hal ini dapat digambarkan melalui petikan berikut:

Suzanna cukup cepat datang memberikan sokongan jika ada mana kumpulan bersuara terhadap hak asasi, apatah lagi hak asasi wanita. Tentunya sasaran sinisnya kepada pihak autoriti agama yang sering disebut sebagai kolot dan spesies dinosur. Banyak kali juga Ibtisam merasa tersentuh malah panas dengan prejudis Suzanna terhadap Islam dan persoalan Melayu. Tetapi Ibtisam banyak kali juga tidak menemukan hujah untuk membalas. Selebihnya dia malas bertekak dengan Suzanna.

(S.M. Zakir, 2018: 291)

Selain itu, terdapat juga perbualan Suzanna dengan Ibtisam yang menggambarkan bahawa masyarakat yang mengutamakan Undang-undang Sivil dan menolak Undang-undang Syariah walaupun berkaitan dengan agama Islam. Kenyataan tersebut dijelaskan melalui petikan berikut:

Suzanna sungguh-sungguh kali ini bercakap tentang perubahan. Perubahan yang bergerak ke arah demokrasi liberal. Jawatan tinggi kerajaan tidak harus hanya berada di tangan orang Melayu sahaja, ia harus diberikan peluang yang sama rata kepada kaum lain. Begitu biasiswa dan kuota untuk orang Melayu harus dihapuskan. Negara ini harus berdiri atas merit bukan perkauman. Islam tidak harus menjadi agama yang mencampuri urusan kehidupan peribadi masyarakat. Maka itu mahkamah syariah dan undang-undang syariah harus diletakkan di bawah undang-undang sivil, jika tidak dihapuskan terus. Istilah bumiputera perlu dihapuskan, dan negara ini memberikan hak yang sama kepada semua kaum tanpa adanya lagi keistimewaan kepada kaum yang kononnya bumiputera.

(S.M. Zakir, 2018: 291-292)

Golongan Islam liberal juga berusaha untuk menghapuskan kedaulatan agama Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kedudukan agama Islam di Malaysia sebagai

agama bagi persekutuan atau Islam sebagai agama negara dan sengaja ditafsirkan dengan Islam sekadar agama rasmi sahaja. Tujuan golongan liberal menyatakan demikian adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai negara sekular berpaksikan demokrasi liberal yang tidak terikat dengan agama Islam. Oleh itu, mereka menentang pemerkasaan terhadap Mahkamah Syariah dan Undang-undang Syariah dan juga ingin menghapuskan institusi-institusi agama Islam di Malaysia.

S.M. Zakir dalam *Ikarus* memberi ramalan akan berlakunya banyak perubahan ke arah sebuah kerajaan liberal setelah Pakatan Harapan berkuasa. Antaranya penghapusan *status quo*, hak kesamarataan, mengabungkan empat bahasa sebagai bahasa rasmi dan menghapuskan sistem Undang-undang Syariah. Ramalan dibuat berdasarkan ideologi liberal pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan. Angan-angan Pakatan Harapan untuk melaksanakan idea mereka untuk semakin tercapai setelah mereka berjaya merampas kerajaan daripada Barisan Nasional yang sebelum ini mempertahankan hak orang Melayu dan Islam. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut:

Status quo perlahan-lahan mula ingin dicabut, ungkapan-ungkapan dari pimpinan baharu untuk mendirikan masyarakat yang saksama dan adil tanpa adanya perkauman yang lebih istimewa dari kaum dari kaum lain memulakan agenda penghapusan hak kedaulatan peribumi. Bahasa rasmi telah menggunakan semua empat bahasa etnik dan bahasa sejagat, mula meminggirkan cita-cita kebangsaan untuk menggunakan satu bahasa kebangsaan yang tunggal. Usaha untuk membincangkan wujudnya hanya satu perundangan teras, mula mendayakan pengecilan kuasa mahkamah syariah sekaligus melancarkan agenda penolakan untuk wujudnya Islam sebagai agama rasmi – ia juga cita-cita untuk menutup negara ini menjadi negara agama dan kekal sebagai sekular – liberal untuk selamanya.

(S.M. Zakir, 2018: 350)

Melalui petikan tersebut pengarang ingin menjelaskan bahawa kerajaan di bawah oleh Pakatan Harapan banyak ke arah perjuangan liberal. Pelbagai kisah telah tercatat bahawa pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan telah membawa perjuangan liberal mereka sewaktu memegang kuasa kerajaan. Mereka ingin mengubah segala sedia ada bagi merealisasikan perjuangan yang mereka impikan.

#### **4.7 *Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)***

*Lesbian, gay, biseksual* dan *transgender* (LGBT) merupakan fenomena yang merebak di era moden sebagai bentuk penyimpangan seks yang sangat dipengaruhi oleh asuhan yang salah, pendidikan agama Islam yang kurang memadai dan pornografi yang sangat mudah terakses semua golongan. Menurut *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat* (2010), istilah *lesbian, gay, biseksual* dan *transgender* merupakan kepelbagaian seksualiti dan gender budaya berasaskan identiti. Ia boleh digunakan untuk merujuk kepada sesiapa yang bukan heteroseksual atau bukan cisgender. Sewaktu pemerintah Pakatan Harapan, golongan *lesbian, gay, biseksual* dan *transgender* sudah tidak lagi berselindung di atas nama kumpulan tertentu, sebaliknya dilihat terarah kepada gerakan sosial yang lantang menuntut hak persamaan terhadap identiti yang mereka bawa meskipun umum mengetahui ia menyimpang jauh daripada fitrah manusia.

Sebagai golongan minoriti yang mempunyai orientasi seksual berbeza daripada fitrah, iaitu bukan heteroseksual. Golongan ini sering melaungkan supaya mereka tidak

didiskriminasi dan mendakwa sering ditindas serta dizalimi oleh kerajaan sebelum ini iaitu Barisan Nasional yang menyifatkan orientasi seksual mereka jauh tersasar daripada sifat semulajadi manusia. Meskipun begitu, golongan *lesbian*, *gay*, *biseksual* dan *transgender* melalui gerakan sosial yang bergerak di bawah bantuan kerajaan Pakatan Harapan ghairah menjalankan pelbagai kempen bagi mengiktiraf *lesbian*, *gay*, *biseksual* dan *transgender* dan berjuang atas nama hak kebebasan manusia:

“Begitu juga dengan perjuangan hak asasi manusia yang seperti menjadi agama baru. Dalam konteks di Malaysia dengan Islam sebagai agama rasmi, hak asasi acuan Barat hanya akan meruntuhkan autoriti Islam sebagai agama rasmi dan asas kepada sejarah kedaulatan keperibumian di sini.” Iskandar memancing lagi. “Maka murtad dibolehkan atas dasar hak asasi manusia. Melakukan apa saja yang bertentangan dengan nilai dalam konteks Islam sebagai negara beraja dan beragama juga dibolehkan. LGBT juga dihalalkan atas nama hak asasi. Akhir sekali, menyamaratakan semua termasuk agama dan hak bumiputera juga akhirnya akan dilucutkan atas dasar kesamarataan ini.”

(S.M. Zakir, 2018: 81)

Dalam petikan tersebut menunjukkan masalah kekeliruan gender semakin mendapat perhatian ramai masyarakat di Malaysia ketika ini. Di luar negara, isu ini sudah menjadi kebiasaan dan golongan ini telah diangkat ke tahap yang perlu dihormati sehingga perkahwinan sesama jenis adalah dihalalkan. Berbeza dengan masyarakat di Malaysia yang masih mempunyai agama dan adat resam yang perlu dipatuhi oleh setiap kaum di Malaysia. Gejala berkaitan isu cinta dan hubungan sejenis menjadi semakin ketara dalam kelompok masyarakat di negara ini. Ia sering menimbulkan pelbagai reaksi anggota masyarakat malah menjadi punca kepada konflik sesama mereka. Hakikatnya, telah wujud sekelompok anggota masyarakat yang secara terang-terangan telah menerima dan mengakui diri mereka sebagai pengamal kepada aktiviti ini yang lebih dikenali sebagai *sebagai lesbian*, *gay*, *biseksual*, dan *transgender* atau LGBT.

Dapat dilihat sewaktu pemerintahan Pakatan Harapan menteri-menteri daripada kerajaan giat membela golongan *lesbian*, *gay*, *biseksual* dan *transgender* dengan memberi hak kesamaratan. Antara yang memperjuangkan bagi mengiktirafkan golongan *lesbian*, *gay*, *biseksual* dan *transgender* ialah Siti Kassim. Isu mengiktiraf *lesbian*, *gay*, *biseksual* dan *transgender* dengan perkongsian tandas awam yang mana tandas awam untuk wanita boleh juga digunakan oleh golongan pondan.

## 5. Rumusan

Novel *Ikarus* memaparkan konflik yang berlaku dalam sebuah parti politik Malaysia melalui watak-watak ciptaan pengarang. Isu politik dan sosial yang digambarkan melalui watak Iskandar, Encik Kadir, Ibtisam dan Suzanna. Dalam sejarah politik Malaysia, buat kali pertama Barisan Nasional tumbang dalam Pilihan Raya Umum ke-14 setelah memerintah lebih 60 tahun. Perjuangan Pakatan Harapan dan kejatuhan Barisan Nasional diwarnai dengan pelbagai isu politik dan sosial yang berlaku sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum ke-14.

Isu politik dan sosial yang dibawa oleh pengarang dalam *Ikarus* memaparkan isu Pilihan Raya Umum ke-14, pertentangan ideologi, kepelbagaian parti politik di Malaysia dengan tertubuhnya parti-parti baharu, gelombang penentangan terhadap Barisan Nasional

dan kebangkitan Pakatan Harapan yang diketuai oleh Parti Keadilan Rakyat dan Parti Tindakan Demokratik, timbul isu perpaduan, liberal dan *lesbian, gay, biseksual* dan *transgender*. Ini merupakan ramalan pengarang *Ikarus* terhadap perkara yang berlaku kepada kancah politik negara setelah tumbangannya Barisan Nasional dan diganti dengan Pakatan Harapan. Kehebatan pengarang dalam meramal isu politik dan sosial yang berlaku apabila negara di bawah kepemimpinan Pakatan Harapan benar-benar berlaku dengan tepat seperti yang diceritakan dalam novel *Ikarus*.

## Rujukan

- Ball, A.R. (1993). *Politik dan kerajaan Modern*. Terj. S. Ahmad Hussein, Loh Fong Fong dan Wong Seat Tho. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baha Zain. (2002). *Esei dan Puisi Baha Zain : Tentang Penulis dan Persekitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Conn, P. (1971). *Conflict and decision making : an introduction to political science*. New York: Harpar & Row publisher.
- Che Abdullah bin Che Ya. (1998). *Novel-novel Berunsur Politik Kenegaraan Malaysia dan Indonesia: Satu Kajian Bandingan*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Flechtheim, O.K. (1952). *Foundamentals of Political Science*. New York Press Co.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lukman Taib. (1999). *Pemikiran Politik Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Simmel, G. (1966). *Conflict and theory of group afflications*. Terj. Reinhard Bendix. New York: The Free Press.
- Syed Ahmad Hussein. (1994). *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.M Zakir. (2018). *Ikarus*. Kuala Lumpur: Institusi Terjemahan & Buku Malaysia.
- Ting Chew Peh. (1985). *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.